



GARIS PANDUAN KEPERLUAN KELENGKAPAN PELINDUNG DIRI



GARIS PANDUAN KEPERLUAN KELENGKAPAN PELINDUNG DIRI

PENGENALAN

Merujuk **Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan), USECHH 2000** kelengkapan pelindung diri (PPE) ditafsirkan sebagai;

“apa-apa kelengkapan yang dimaksudkan untuk dipakai atau dipegang oleh seseorang yang sedang bekerja dan yang melindunginya terhadap satu atau lebih risiko kepada kesihatan atau keselamatannya dan apa-apa aksesori tambahan yang direka bentuk untuk memenuhi matlamat itu”

Merujuk USECHH 2000, Langkah-Langkah Kawalan Risiko (Penghapusan, Penggantian, Pengasingan, Kawalan Kejuruteraan, Kawalan Pentadbiran dan Kelengkapan Pelindung Diri), kelengkapan pelindung diri merupakan langkah terakhir yang diambil bagi mencegah kecederaan/kemalangan yang disebabkan oleh hazard pekerjaan. Penggunaan PPE hanya untuk digunakan apabila langkah-langkah yang lain tidak sesuai atau tidak boleh akan dilaksanakan. Selain itu, penggunaan PPE juga dipraktikkan bagi melengkapkan atau menambah cara lain kawalan risiko dan seterusnya mengurangkan risiko kecederaan. Bagaimanapun, penggunaan PPE merupakan pendekatan yang perlu apabila langkah kawalan kejuruteraan, kawalan pentadbiran dan prosedur kerja tidak dapat melindungi pekerja daripada hazard dan kecederaan yang mungkin timbul daripada pekerjaan yang dijalankan.

Keperluan dalam menggunakan PPE turut disebut di dalam akta bagi memastikan seseorang pekerja dilindungi daripada kecederaan yang mungkin timbul akibat daripada kerja yang dijalankan. Merujuk **Seksyen 24, Akta Kilang Dan Jentera, 1974** :

“Jika dalam mana-mana kilang orang terdedah kepada proses yang basah atau berhabuk, kepada bunyi bising, kepada bahang atau kepada apa-apa bahan beracun, mengakis atau peralatan yang boleh memudaratkan lain yang boleh menyebabkan kecederaan pada tubuh badan orang itu, Menteri boleh menetapkan peruntukan dan penyelenggaraan bagi penggunaan orang yang sesuai dan pakaian dan peralatan keselamatan peribadi yang mencukupi termasuklah di mana perlu gogal, sarung tangan, sarung balut kaki, topi, kasut dan salap atau losen pelindung”

Isu yang sering timbul semasa penggunaan PPE termasuklah ketidakselesaan, peralatan sesuai dengan fisiologi badan pengguna atau tidak diselenggara (kotor dsbnya). Kesesuaian PPE adalah bergantung kepada fisiologi pengguna dan berbeza mengikut individu. Sehubungan itu, pemilihan PPE adalah merupakan faktor penting bagi memastikan keberkesanan dalam penggunaannya selain faktor penyelenggaraan yang turut memainkan peranan penting dalam memastikan penggunaan PPE .

KATEGORI KELENGKAPAN PELINDUNG DIRI MENGIKUT BAHAGIAN BADAN

1. Pelindung Badan.
2. Pelindung Pernafasan.
3. Pelindung Tangan.
4. Pelindung Kaki.
5. Pelindung Mata.
6. Pelindung Kepala.
7. Pelindung Pendengaran.

1. PELINDUNG BADAN.

Pelindung badan merupakan peranti yang digunakan apabila seorang pekerja perlu menjalankan kerja di mana dedahan kepada hazard yang diterima adalah meliputi seluruh tubuh seperti :

- Mengendalikan bahan kimia dalam makmal atau menangani tumpahan bahan kimia.
- Mengendalikan bahan biologi dalam skala besar atau menangani pelepasan bahan biologi.

Contoh pelindung badan yang biasa digunakan ialah baju makmal, *coverall*, apron berplumbum (*lead apron*) dan sebagainya.



2. PELINDUNG PERNAFASAN

Pelindung pernafasan merupakan peranti yang digunakan apabila seorang pekerja perlu menjalankan kerja di kawasan kerja yang berisiko seperti :

- Kandungan oksigen dalam udara yang rendah seperti ruang terkurung dan sebagainya.
- Pendedahan kepada bahan kimia berbahaya seperti hidrogen sulfida.
- Pendedahan kepada bahan biologi seperti bakteria, spora dsbnya.

Contoh pelindung pernafasan yang biasa digunakan adalah seperti topeng gas, alat bantuan pernafasan (*respirator*) dan sebagainya.



3. PELINDUNG TANGAN

Pelindung tangan merupakan peranti yang digunakan apabila seorang pekerja perlu menjalankan kerja yang melibatkan hazard kepada bahagian tangan seperti :

- Mengendalikan bahan suhu lampau seperti sampel panas dan cecair kriogenik.
- Mod kemasukan hazard melalui tangan seperti kejutan elektrik, dedahan kepada bahan radioaktif dan sebagainya.

Contoh pelindung tangan yang biasa digunakan adalah seperti sarung tangan getah dan sebagainya.



4. PELINDUNG KAKI

Pelindung kaki merupakan peranti yang digunakan apabila seorang pekerja perlu menjalankan kerja yang mempunyai risiko seperti berikut :

- Bekerja di bengkel mekanikal yang mempunyai risiko terpijak/tertusuk benda tajam dan objek terjatuh mengenai kaki.
- Bekerja di makmal dimana ianya mempunyai risiko tumpahan bahan kimia dan sebagainya.
- Bekerja di kawasan yang licin dan mempunyai risiko tergelincir.

Contoh pelindung kaki yang biasa digunakan adalah seperti kasut keselamatan, pelindung kasut (*shoe cover*) dan sebagainya.



5. PELINDUNG MATA

Pelindung mata merupakan peranti yang digunakan apabila seorang pekerja perlu menjalankan kerja yang melibatkan hazard berikut :

- Menggunakan bahan kimia yang merengsa kepada mata.
- Menjalankan kerja pateri (*welding*) yang menghasilkan tahap cahaya yang boleh menyebabkan kerosakan pada mata.
- Menjalankan kerja menggunakan peralatan laser berkeamatan tinggi.
- Kawasan kerja mempunyai hazard partikel beterbangan, habuk dan sebagainya.

Contoh pelindung mata yang biasa digunakan adalah seperti pelindung muka, cermin mata keselamatan dan sebagainya.



6. PELINDUNG PENDENGARAN

Pelindung pendengaran merupakan peranti yang digunakan apabila seorang pekerja perlu menjalankan kerja sama ada :

- Peralatan yang digunakan menghasilkan kebisingan yang melebihi aras yang ditetapkan seperti mesin gerudi . Atau;
- Bekerja di kawasan yang mempunyai tahap kebisingan yang tinggi seperti di bengkel dan sebagainya.

Contoh pelindung pendengaran yang biasa digunakan adalah seperti palam telinga (*ear plug*), penutup telinga (*ear muff*) dan sebagainya.



7. PELINDUNG KEPALA

Pelindung kepala merupakan peranti yang digunakan apabila seorang pekerja perlu menjalankan kerja di mana bahagian kepala merupakan bahagian tubuh yang berpotensi menerima kecederaan akibat kerja yang dijalankan. Antara contoh kawasan kerja yang memerlukan pelindung kepala adalah seperti :

- Kawasan yang berisiko objek jatuh dan terkena kepala pekerja di kawasan berkenaan seperti kawasan pembinaan.
- Seseorang pekerja berisiko terhantuk kepada kepada objek pegun/ tetap seperti menjalankan kerja pembaikan di bahagian bawah kereta dan sebagainya.

Contoh pelindung kepala yang biasa digunakan adalah seperti topi keselamatan dan sebagainya.



KESIMPULAN.

Penggunaan PPE merupakan pendekatan yang paling biasa dipraktikkan di tempat kerja. Bagaimanapun penggunaan PPE yang diklasifikasikan sebagai langkah terakhir kawalan hazard hanya terhad dalam melindungi atau sekurang-kurangnya mengurangkan risiko kecederaan yang dialami pekerja. Adalah disarankan agar penggunaan PPE juga turut diamalkan beserta langkah pengawalan risiko yang lain bagi memastikan pekerja dan pelawat yang berada di kawasan kerja berada dalam keadaan selamat dan sihat.

RUJUKAN.

1. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 (Akta 514)
2. Akta Kilang Dan Jentera, 1974 (Akta 139)
3. Laman Web Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
<http://www.dosh.gov.my/>
4. Laman Web Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
<http://www.infosihat.gov.my/>